

MAHATHIR - CALON

1982

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAM INI, SEMUA CALON BARISAN NASIONAL YANG DIPILIH BERTANDING DALAM PILIHANRAYA INI TELAH PUN DIBERITAHU SUPAYA MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN RAKYAT SEKIRANYA DIPILIH.

PERDANA MENTERI YAKIN MEREKA ITU DAPAT BERBUAT DEMIKIAN KERANA CALON-CALON ITU TELAH DITELITI SECARA TERPERINCI OLEH PUCUK PIMPINAN BARISAN NASIONAL.

+SAYA SENDIRI TELAH PUN MEMBERITAHU MEREKA SUPAYA MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KEPENTINGAN RAKYAT SEKIRANYA DIPILIH NANTI+, KATANYA DI MAJLIS CERAMAH MENYOKONG CALON BARISAN NASIONAL BAGI KAWASAN PARLIMEN DAMANSARA DI KAMPUNG KERINCHI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional BERKATA BELIAU SENDIRI AKAN MENGAWASAI PRESTASI SEMUA WAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL YANG TERPILIH NANTI UNTUK MEMASTIKAN SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING DENGAN BERKESAN.

+JIKA TIDAK PELUANG MEREKA UNTUK BERTANDING LAGI ADALAH TIPIS,+ TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 2216/MK

MAHATHIR - CALON 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PAS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PEMIMPIN PAS MENGGUNAKAN AGAMA SEBAGAI ALAT UNTUK MENDAPATKAN KERUSI DAN POLITIK SECARA INI TIDAK SEJAJAR DENGAN PERJUANGAN MEREKA.

KATANYA, PAKATAN PAS DENGAN DAP TIDAK DAPAT DINAFIKAN KERANA PAS MELETAKKAN CALON-CALONNYA DI TEMPAT-TEMPAT YANG ORANG MELAYU BUKAN MAJORITI.

INI UNTUK MENENTUKAN KEMENANGAN BAGI CALON-CALON DAP DAN SEBALIKNYA UNTUK MEMBALAS BUDI PAS, DAP JUGA MELETAKKAN CALON-CALON DI KAWASAN-KAWASAN BILANGAN BUKAN MELAYU TIDAK RAMAI.

DR. SERI MAHATHIR BERKATA DALAM PERKARA INI PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS TIDAK BEGITU BIJAK KERANA PARTI ITU MELETAKAN CALON SERAMAI 69 ORANG DI KAWASAN BUKAN MELAYU DAN DAP PULA MELETAKAN 22 CALON DI KAWASAN MAJORITI ORANG-ORANG MELAYU.

KATANYA, DARI PERANGKAAN ITU JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA DAP LEBIH BERUNTUNG DARIPADA PAS. -- BERSAMBUNG 2240/MK

R67A

MAHATHIR - CALON 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, PAS KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL BUKAN DIPAKSA TETAPI PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS SENDIRI YANG BERBUAT DEMIKIAN.

+SAYA BERULANG KALI MENJEMPUT MEREKA MASUK SEMULA BARISAN NASIONAL TETAPI MEREKA BERKATA TAWARAN ITU TERLALU LAMBAT+, KATANYA.

TEGASNYA, JIKA MEREKA MASUK SEMULA MEREKA HENDAKLAH SANGGUP BERMASYURAH KERANA INI PENTING UNTUK MENJAMIN PERPADUAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI-PARTI LAIN MEMAINKAN ISU PERKAUMAN SEMPIT KERANA INI SATU PERKARA MUDAH UNTUK MEMBAKAR PERASAAN DALAM NEGARA BERBILANG KAUM INI.

+APA YANG MEREKA MAHU IALAH KERUSI DI PARLIMEN DAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI TANPA MEMPERHITUNGGAN KEPENTINGAN RAKYAT+, KATANYA. -- BERNAMA 2245/MK

MAHATHIR-CALON 4 KUALA LUMPUR (SAMBUKGAN B678)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PENGUNDI-PENGUNDI MELAYU DI DAMANSARA SUPAYA MENGGUNAKAN UNDI MEREKA DENGAN BIJAKSANA KERANA UNDI MEREKA MERUPAKAN UNDI PENENTU KEMENANGAN BARISAN NASIONAL.

KEDUDUKAN DI DAMANSARA TEGASNYA MEMPUNYAI KAITAN DENGAN KEDUDUKAN DI KAWASAN-KAWASAN LAIN YANG MAJORITI UNDINYA BUKAN MELAYU SEDANGKAN CALON DI SITU TERDIRI DARI CALON MELAYU.

BELIAU MENYEBUT CONTOH KEKALAHANNYA DI TANGAN CALON PAS, HAJI YUSUF RAWI DALAM PILIHANRAYA 1969 DULU.

+SAYA MENDAPAT UNDI MELAYU LEBIH BANYAK DARIPADA HAJI YUSUF TETAPI BELIAU MENANG KERANA UNDI BUKAN MELAYU,+

KATANYA JIKA UNDI MELAYU PECAH DI DAMANSARA KEMUNGKINAN CALON DAP AKAN DAPAT MEREBut SEMULA KERUSI KAWASAN TERSEBUT.

PERKARA INI HENDAKLAH DIELAKKAN DAN ORANG-ORANG MELAYU HENDAKNYA TIDAK TERBALAH PILIH, TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 2340/ZCM